



SAPIAH (depan sembilan kanan) bersama wakil jabatan dan agensi yang hadir pada sesi FGD Pelan Induk Bandar Pintar MPHTJ, baru-baru ini. Foto MPHTJ

MPHTJ sedia capai status bandar pintar

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) bersedia mencapai status 'smart early adopter' tahun 2024 menerusi 'Focus Group Discussion' (FGD) Pelan Induk Bandar Pintar Hang Tuah Jaya berlangsung baru-baru ini.

Yang Dipertua MPHTJ, Datin Sapiah Haron berkata, perbincangan itu menjadi platform kepada semua pihak berkepentingan bagi memberi pandangan dan input terhadap sasaran MPHTJ mencapai Perbandaran Pintar serta Rendah Karbon 2035.

Sapiah berkata, hasil utama perbincangan adalah mendapatkan konsensus (persetujuan) semua pihak terlibat ke arah pembentukan Perbandaran Pintar Hang Tuah Jaya.

"Pelan induk ini merupakan seba-



gian inisiatif bawah kerangka Perbandaran Pintar dan Rendah Karbon 2035 yang menyasarkan penarafan MPHTJ sebagai perbandaran berstatus bandar pintar. "Ia menerusi empat peringkat iaitu 'Smart City Early Adopter', 'Developing Smart City', 'Leading Smart City' dan 'Visionary Smart City' seperti digariskan di peringkat persekutuan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Tambah Sapiah, MPHTJ sedang melaksanakan agenda itu di bawah kerangka Perbandaran Pintar MPHTJ seperti sistem bayaran atastalian (e-payment), e-sewaan, 'smart meter' (meter pintar), 'e-parking', 'smart street light' dan 'smart city dashboard'.

Terdahulu sesi FGD Pelan Induk Bandar Pintar MPHTJ disempurnakan oleh Sapiah di sebuah hotel di sini, baru-baru ini.



SEKITAR sesi FGD Pelan Induk Bandar Pintar Hang Tuah Jaya. Foto MPHTJ